



PANDUAN KESEJAHTERAAN ABDB

MAKLUMAT KEBAJIKAN BAGI ANGGOTA
TENTERA DAN KELUARGA MEREKA

Diterbitkan oleh Kementerian Pertahanan, Brunei Darussalam

© Kementerian Pertahanan, Brunei Darussalam, 2020

Cetakan Pertama 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Reka Bentuk Hiasan Kulit

Kapt Amirul Adini bin Haji Amir Abas

Atur Huruf oleh Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam

Dicetak oleh Juta Jaya Printing Company Sdn Bhd



PANDUAN KESEJAHTERAAN ABDB

ISI KANDUNGAN

- i Sekapur Sirih
- iii Prakata
- 1 Mengekalkan Jati Diri
 - Tentera
- 11 Kebajikan ABDB
- 39 Keadaan dan Isu Sosial
- 47 Panduan Pemimpin
- 61 Lampiran

Kepada mereka yang terlibat dalam penghasilan buku ini,

Secara langsung atau tidak langsung,

Andai tiada usaha gigih, tekad dan komitmen

setiap seseorang yang terlibat,

Buku ini tidak akan wujud sama sekali.

Semoga sumbangan dan titik peluh semuanya akan dibalas baik oleh

Allah Subhanahu Wata'ala,

Dan membawa manfaat kepada seluruh warga

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Penghargaan

Komiti Pandu

Brig Jen Dato Seri Pahlawan Awang Khairul Hamed bin Awang Haji Lampoh
Kept Spry bin Haji Serudi @ Seruji, TLDB
Kol (U) Alirupendi bin Haji Perudin
Shaminan bin Haji Tengah
Haji Muhd Shahrul Nizzam bin Umar
Kept Pg Mohammad bin Pg Haji Damit, TLDB
Kol (U) Abdul Rahman bin Haji Durahman
Kol Azman bin Haji Bangkol
Kol (Dr) Haji Awang Hafizul bin Haji Awang Mohd Hassan
Lt Kol Haji Muhd Suradzin bin Haji Muhd Yusof
Lt Kol Hajah Suriyati binti Haji Junaidi
Lt Kol Aldi bin Haji Hassan
Lt Kol Hamdan bin Haji Raub
Kdr Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, TLDB
Lt Kol Mohammad Sufaizal bin Haji Suhami
Lt Kol Norsuriati binti Haji Sharbini
Mej Mohd Azmi bin Mohd Taib

Sekretariat

Mej Isewandy bin Murni
Mej Awang Haji Zuraihi bin Haji Awang
Ash'ari
Mej Norranellwi bin Siaran
Kapt Amirul Adini bin Haji Amir Abas

Komiti Kerja

Mej (U) Arif Syazwi bin Haji Md Idris
Kapt Fahzilleana Emey binti Haji Ahmad
Alisa Eswan
Kapt Noria Fatriah binti Hj Abdul Mutualif
Kapt Amirul Adini bin Haji Amir Abas
Lt (U) Khairul Anwar @ Fridaus bin Karia
Lt Siti Hafizah Bte Abdul Khalid
Kapt Auni 'Afifah @ Yumni binti Haji Ali
Hassan
Lt Umi Atul Nur'Afiqah bte Ali Hassan
Lt Azya'an Nafaha't binti Haji Zaini
Lt Dya Pg Md Fadhil bin Pg Haji Ali, TLDB
Lt Nabilah Afifah binti Haji Said
Lt Dya Adi Fakhri bin Johari, TLDB
Mazveen Kaur Saggū

Penghargaan

Kumpulan Dasar

Lt Kol Norsuriati binti Haji Sharbini
Kapt Nabil Suhairridhwan bin Awang

Kumpulan Latihan

Lt Kol Aldi bin Haji Hassan
Mej Pg Hj Nazri Amir bin Pg Dato Paduka
Hj Md Zain
Kdr Ali Mustafa bin Hj Umar, TLDB
Mej Mohd Khairul bin Pehin Dato Hj
Sulaiman
Mej Pg Mohd Farisan bin Pg Hj Metassan
Mej Dyg Siti Nur Afiqah binti Hj Awang
Morsidi
Mej Khairul Azme bin Hj Awg Mohidin
Kpt Dk Hjh Siti Noraishah binti Pg Hj
Tajudin
Lt Zulfakhri bin Awg Ahmad
Lt Nur Hamizah binti Hj Kasim

Kumpulan Penerbitan Buku

Lt Kol Alirudimi bin Haji Perudin
Mej Khairul Faizin bin Haji Abdul Gapar
Mej Awang Md Muneer bin Haji Md Taib
Kapt Amirul Adini bin Haji Amir Abas
Lt Maymunah binti Zakaria
Muhammad Azmi bin Hj Zaini
Muhammad Amirul Anizam bin Hj Abdul
Ghani
Nur'Afiqah Nasuha binti Lt Kol (B) Abdul
Ghani

Kumpulan Pusat PRIHATIN ABDB & Bantuan Komunikasi

Kol (U) Abdul Rahman bin Haji
Durahman
Lt Kol (U) Zainolhizad bin Haji Md Zain
Lt Kol Dk Rohayou bte Pg Matarsat
Lt Kol Norsuriati bte Hj Sharbini
Lt Kol (U) Hasnul Alwe Haji Matassan
Mej Isewandy bin Murni
Mej (U) Mohammad Sofy Bin Md Eusoff
Mej (U) Pg Md Azizul Bin Pg Hj Zulkifly
Mej Azura bte Hidup
Kapt Massuliyanti Bte Mohammad
Iskandar
Kapt (U) Muhammad Izdihar bin Imran
Kapt Noria Fatriah binti Hj Abdul Mutualif
Kapt (U) Mohammad Qamarularifin B Hj
Ramli
Lt Siti Hafizah Bte Abdul Khalid
Lt Umi Atul Nur'Afiqah bte Ali Hassan
Lt Azya'an Nafaha't binti Haji Zaini
Lt (U) Siti Nur Aqidah bte Muhd Azmi

Dan semua anggota yang terlibat dalam menjayakan projek ini

Sekapur Sirih

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiyai wal Mursalin, Sayidina Muhamadin, Wa'ala Alihi Wasahbihi Waman Tabi'ahu Bi'ihsani Ila Yau Middin.

Sebagai organisasi yang menjaga kedaulatan negara, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) perlu memastikan keharmonian secara menyeluruh. Hal ini termasuk melindungi anggota daripada ancaman anasir-anasir negatif dari luar dan juga punca-punca masalah yang dihadapi dalam kalangan warga ABDB.

Buku Panduan Kesejahteraan ABDB ini merupakan salah satu usaha ABDB dalam menangani isu-isu sosial dan kebajikan dalam kalangan anggota ABDB dengan meningkatkan tahap pengawasan dan ilmu mengenai hal ehwal kebajikan serta tatacara pengurusannya. Buku ini mudah dibaca dan difahami serta lengkap dengan maklumat dan panduan untuk rujukan selanjutnya.

Dengan penerbitan buku ini, diharapkan agar setiap anggota ABDB akan mendapat ilmu asas ABDB dalam menjaga kebajikan diri dan keluarga. Pada masa yang sama, buku ini juga diharap akan dapat memberikan pendedahan awal hidup sebagai anggota ABDB serta maklumat lengkap berkaitan perkhidmatan yang disediakan dalam ABDB.

Semoga para pembaca akan mendapat manfaat daripada buku panduan ini dan seterusnya akan lebih bersemangat untuk mengenali ABDB sebagai satu organisasi yang bukan sahaja menjaga keamanan negara malahan keamanan perihal anggota di dalamnya.

Sekapur Sirih



**MEJAR JENERAL PENGIRAN DATO PADUKA SERI AMINAN
BIN PENGIRAN HAJI MAHMUD**

D.P.K.T., P.S.P.N.B., D.P.M.B., PGAT, DUBC (Tent), PJG (Tent), P.S.B.,
B.Eng (Hons), rcds, psc

PEMERINTAH ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Prakata

Buku Panduan Keluarga ABDB ini dihasilkan daripada pengalaman sepanjang sejarah wujudnya ABDB serta hasil kaji selidik berkenaan isu-isu kebajikan dan hal ehwal anggota ABDB seperti isu sosial. Kaji selidik yang telah dijalankan pada kebelakangan ini menyimpulkan bahawa isu-isu sosial dalam kalangan warga ABDB berpunca daripada beberapa aspek persekitaran seseorang individu. Ini merangkumi individu itu sendiri, persekitaran kerjanya, keadaan keluarga dan rumahtangga, serta pengaruh luaran.

Buku Panduan ini juga lengkap dengan rumusan kaji selidik tersebut dan maklumat-maklumat mustahak yang perlu diketahui oleh setiap individu yang berkhidmat dalam ABDB serta keluarga mereka. Dengan meningkatkan tahap pengawasan dan ilmu asas mengenai ABDB sebagai satu organisasi, diharapkan setiap anggota tentera dan keluarga mereka akan dapat mendapat gambaran yang tepat dan seterusnya bertindak mengikut tatacara yang betul dalam menjalankan hidup sebagai ahli ABDB. Perlu dikenali juga bahawa titik punca tindakan yang betul adalah pada maklumat yang tepat.

Buku ini akan menyentuh mengenai tiga perkara, iaitu penjagaan disiplin, perkhidmatan kebajikan dan isu sosial dalam ABDB. Seseorang warga tentera dan keluarga mereka harus pertama sekali mengenali kepentingan disiplin dalam menerapkan nilai-nilai yang mustahak sebagai seorang tentera untuk menjayakan misinya. Demi mengekalkan kelestarian peranan tentera selaku penjaga keamanan negara, perihal kebajikan dan keadaan sosial anggotanya perlu dijaga bukan sahaja sebagai penghargaan malah sebagai aspek penting dalam memupuk kesejahteraan hidup anggota ABDB.

Dengan adanya buku panduan ini, tim penerbitan buku berharap setiap pemimpin dalam ADBD akan dapat menjalankan tanggungjawab selaku pengurus kebajikan anggota di bawah pimpinan masing-masing dengan bijaksana dan telus selaras dengan matlamat ABDB sebagai organisasi yang mapan dan berkesan. Buku ini hanyalah titik permulaan bagi anggota ABDB untuk mengetahui mengenai disiplin, kebajikan dan isu sosial. Para pemimpin perlu mengamalkan kaedah "*Look, Listen, Learn*" dalam memedulikan kesejahteraan anggota.

Akhir kata, semoga para pembaca akan mendapat manfaat daripada makluman dalam buku ini yang diharapkan akan membantu dalam menjaga keamanan, keharmonian dan keselamatan keluarga warga ABDB.

Prakata



**BRIGADIER JENERAL DATO SERI PAHLAWAN
AWANG KHAIRUL HAMED BIN AWANG HAJI LAMPOH**
P.S.P.N.B., P.J.G. (Tent), P.S.B., MSc, MPAT, psc

PEMERINTAH TENTERA DARAT DIRAJA BRUNEI

MENGEKALKAN JATI DIRI TENTERA

“Mengambil berat perkara disiplin bererti menjaga sebahagian dari kebajikan anggota ABDB. Mereka tidak diragukan lagi adalah aset utama ABDB. Oleh itu, tahap moral setiap anggota perlu dijaga, jangan ia merosot. Jika tahap moral itu rendah, maka padahnya boleh menjelaskan sumbangan anggota terhadap organisasi pertahanan.”

- Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Keberangkatan Lawatan Kerja ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Pada Hari Khamis, 26 Muharram 1441 bersamaan dengan 26 September 2019



Menggunakan Buku Ini

Objektif Buku Ini

Tujuan buku ini dihasilkan adalah bagi memberikan gambaran ringkas kepada anggota ABDB dan keluarga mereka mengenai perkhidmatan yang terdapat dalam ABDB dan beberapa kemudahan kebajikan lain yang merupakan satu keistimewaan kepada anggota ABDB.

Dengan memahami kandungan dalam buku ini, diharapkan para pembaca akan mendapat gambaran tepat mengenai hal ehwal kebajikan dalam ABDB dan mengetahui perkhidmatan yang disediakan bagi biskita.

Biarlah buku panduan ini dijadikan rujukan pertama biskita dalam mengenali ABDB dengan lebih lanjut dan sebagai peringatan kepada warga ABDB bahawa organisasi ini sangat memedulikan perihal kebajikan keluarganya.

Isi kandungan bahagian ini ialah:

Kepentingan Menjaga Kesejahteraan	3
Mengekalkan Keseimbangan Hidup	4
Menjaga Disiplin	5
Memulakan Hidup dalam ABDB	7
Pengurusan Kerjaya	8

Walaupun buku ini berhasrat supaya menjadi panduan yang berguna kepada anggota dan keluarga mereka, maklumat yang terdapat di dalam buku ini hanyalah sebagai pengenalan sahaja. Informasi mengenai proses selanjutnya dengan lebih komprehensif dan lengkap boleh dirujuk dalam rujukan-rujukan lain seperti hukuman tetap, manual, dan prosedur-prosedur di unit-unit ABDB.

Dari itu, pihak-pihak yang berkenaan dengan topik-topik dalam buku ini berperanan dalam memberikan gambaran dan informasi yang tepat dan lengkap kepada anggota-anggota yang memerlukannya.

Menjaga Kesejahteraan



Mengekalkan keamanan negara termasuk menjaga keharmonian rumah tangga

Kepentingan Penjagaan Kesejahteraan

Sebagai anggota ABDB, seseorang itu hendaklah sentiasa berada dalam keadaan yang membolehkan ianya beroperasi pada tahap optimal. Perkara ini bergantung terhadap penjagaan perihal peribadi dan kebijakan anggota itu sendiri. Justeru, amat penting bagi anggota ABDB dan ahli keluarga mengetahui sistem kebijakan yang terdapat dalam organisasi ini.

“... Kerana mata mu mempunyai hak ke atas mu, badan mu mempunyai hak mu, isteri mu mempunyai hak mu, dan rakan mu mempunyai hak mu.”

- Hadith Nabi Muhammad S.A.W., Riwayat An-Nasa'i 23:1

Bagi keluarga, adalah penting juga bagi mereka untuk mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan kebijakan dan bantuan asas yang terdapat di ABDB. Sebagai tuggak yang menjaga kedaulatan negara, ABDB sentiasa menjaga kebijakan rumah tangga anggotanya untuk mewujudkan keharmonian hidup berkeluarga.

Adalah penting juga bagi setiap anggota ABDB supaya mencariimbangan antara tugas dengan keluarga. Malah, tanggungjawab seseorang bukanlah terhad kepada tugasnya sahaja tetapi juga merangkumi tanggungjawab kepada keluarga, negara dan agama.

Oleh itu setiap anggota perlu mengurus masa dengan efektif dan teliti bagi mengimbangi tanggungjawabnya.

Menjaga Kesejahteraan

Mengekalkan Keseimbangan Kerja-Hidup

ABDB memahami bahawa pengurusan masa dan keseimbangan kerja-hidup merupakan hal kebijakan yang perlu diurus dengan cekap. Jika tidak diurus dengan bijaksana, ia boleh menimbulkan masalah keluarga dan menjadikannya bebanan kepada ABDB. Dalam hal ini, pemimpin memainkan peranan penting sebagai pengurus tugas dalam unit masing-masing.



Timbulnya Masalah Akibat Ketidakseimbangan

IMPAK PEMBAHAGIAN TUGAS YANG KURANG BIJAKSANA KEPADA KESEJAHTERAAN RUMAH TANGGA



Pembahagian Tugas Padat & Tidak Setimpal



Kurang Masa Beriadah & Membimbing Keluarga



Kurang Keamanan dalam Hidup



Keluarga Terabai



Masalah Keluarga & Isu kepada ABDB

Pemimpin dan pengurus unit memainkan peranan penting dalam menentukan pembahagian kerja yang efektif

Nilai-nilai teras ABDB dan etika moral merupakan pegangan setiap anggota ABDB dan melanggarnya merupakan kesalahan yang besar dan boleh mencemarkan imej ABDB secara amnya.

Dari itu, bagi memastikan setiap anggota tentera akan sentiasa mengekalkan disiplin dan jati diri, isu-isu sosial itu perlu ditangani dengan bersepudu sebagai satu organisasi.

Menjaga Disiplin

Disiplin Ketenteraan



Disiplin Ketenteraan didefinisikan sebagai keupayaan anggota-anggota tentera dalam mengikut perintah dari pihak atasan, menerapkan **Nilai-Nilai Teras ABDB** serta mengekalkan jati diri ketenteraan untuk manfaat pasukan dan organisasi.

Nilai-Nilai Teras ABDB amat penting sebagai panduan asas kepada tingkah laku seseorang anggota untuk mewujudkan organisasi yang seragam, cekap dan efisien dalam menjayakan misi.



Seorang anggota perlu menunjukkan sifat **Setia** dalam mematuhi arahan, **Takwa** dalam menentukan kebenaran, **Berani** menegakkan keadilan, dan bertindak **Profesional** dalam menjalankan tugas. Buku Nilai-Nilai Teras ABDB merupakan panduan bagi anggota untuk meneliti dengan lebih terperinci mengenai nilai-nilai tersebut.

Menjaga Disiplin

Menangani Masalah Disiplin

Setiap warga ABDB tidak akan terlepas daripada keperluan mengekalkan disiplin di mana saja ia berada. Pelanggaran disiplin itu merupakan kesalahan yang besar dan akan ditangani dengan tegas.



“Seluruh warga tentera hendaklah memperkuatkukan semangat cintakan institusi, sambil menjaga imej dan nama baik Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.”

- Titah KDYMM sempena Hari Ulang Tahun ABDB ke-54

Disiplin itu sangatlah tergantung kepada individu itu sendiri, dan hanya akan dihidupkan dengan adanya keperibadian kukuh serta etika kerja yang efektif. Dalam hal ini, penjagaan disiplin sangatlah berhubung kait dengan pengekalan kesejahteraan individu. Tanpa adanya keharmonian dalam hidup, disiplin amat sukar ditanai. Kepentingan hal ini bergantung kepada keserasian anggota tentera dengan keluarganya dalam menjalankan hidup sebagai keluarga ABDB.

Memulakan Hidup di ABDB

Memasuki Keluarga ABDB



Pada mula seseorang berkeinginan untuk memasuki tentera, dia dan keluarganya perlu mengetahui dan bersedia untuk mengubah cara hidup dan berfikir. Setiap anggota tentera ABDB perlu sentiasa bersedia untuk berkhidmat pada bila-bila masa dan memastikan persiapan mental, fizikal, emosi dan rohani untuk mematuhi arahan yang sah daripada pihak atasan dan pemimpin.

Keseimbangan hidup bagi keluarga yang mempunyai ahli tentera bergantung kepada kebijaksanaan dalam mengimbangi pelbagai tanggungjawab. Ini termasuk keperluan kerja dan keluarga.

KESEJAHTERAAN ANGGOTA

Kerjaya

Keseimbangan Kerja-Hidup

Kebajikan

Nilai Tentera

Keadaan Sosial

Pelbagai faktor menyumbang kepada Keseimbangan Kerja-Hidup dan menjana kepada Kesejahteraan

Pengurusan Kerjaya

Apakah itu Pengurusan Kerjaya?

Pengurusan kerjaya dalam ABDB melibatkan pelbagai aspek. Aspek-aspek tersebut perlu diambil perhatian rapi dan merupakan tanggungjawab pemimpin, pentadbir, dan individu itu sendiri. Pengurusan kerjaya merangkumi perkara berikut:

- Pengurusan perjawatan
- Kenaikan pangkat
- Keperluan keupayaan, iaitu kursus mandatori
- Prestasi kerja

Kelayakan perkembangan kerjaya terletak pada individu; Pengurusannya terletak pada pemimpin dan pentadbir unit

Maklumat lanjut mengenai perkara-perkara di atas dan keperluan yang lain boleh dirujuk melalui **kerani-kerani** di unit dan pemimpin-pemimpin selaku pengurus kerjaya anggota masing-masing.

ASAS PENGURUSAN KERJAYA

Tersenarai di bawah adalah sebahagian perkara-perkara yang merangkumi pengurusan kerjaya



Prestasi Yang Baik

Prestasi dinilai melalui Laporan Sulit Tahunan yang dibuat oleh lapisan pemimpin setiap unit.



Pengurusan Perjawatan

Perjawatan menunjukkan tanggungjawab yang dipikul setiap anggota dan diurus oleh pihak pentadbir dan pemimpin.



Kursus Mandatori dan Kompetensi

Peningkatan pangkat dan sebahagian perjawatan memerlukan pelbagai kursus mandatori dan kompetensi yang perlu dihadiri.



Zon Perkhidmatan

Anggota perlu mencapai zon perkhidmatan yang tertentu sebelum layak untuk perkembangan kerjaya.



Kenaikan Pangkat

Anggota layak naik pangkat apabila perkara-perkara di atas sudah mencukupi.

Panduan rujukan

SISTEM PERKEMBANGAN KERJAYA ABDB RBAF MANNING & RECORD

Makluman selanjutnya melalui Kerani-Kerani Unit & Pemimpin

Pengurusan Kerjaya

Meningkatkan Keupayaan Anggota

Demi memastikan anggota ABDB dapat menjalankan misi organisasi dengan efektif, keupayaan mereka perlu ditingkatkan setaraf dengan tugas dan tanggungjawab yang dipikul.



*Latihan Membina
Minda, Jasmani dan
Rohani Menuju
Tentera yang Berdaya
Tahan dan Sedia
Berkhidmat*

Institut Latihan ABDB dan Akademi Pertahanan ABDB merupakan institusi bagi latihan-latihan asas yang dijalankan di dalam ABDB. Unit-unit ini berperanan dalam membuat sebarang perancangan, reka bentuk dan pengendalian latihan-latihan tersebut yang merangkumi ilmu asas kententeraan (di antara lainnya):

- Disiplin
 - Keupayaan tentera
 - Kepimpinan
 - Nilai jati dan
- Nilai-Nilai Teras ABDB
- Akta-Akta ABDB



Latihan-latihan tersebut berpandukan dokumen-dokumen formal bagi memastikan kandungan dan pengendalian latihan yang efektif dan juga selamat seperti ***Training Safety Regulation***.

Pengurusan Kerjaya

Pembelajaran Sepanjang Perkhidmatan



Latihan asas, serta kursus-kursus mandatori dan pengembangan kemahiran merupakan aspek ketenteraan yang penting dalam memastikan anggota tentera yang bertahap keupayaan tinggi.

Seperti perihal kebijakan yang lain, penghantaran kursus adalah salah satu daripada penjagaan kebijakan yang penting dalam memajukan kerjaya anggota di samping menjaga moral dan keupayaan anggota.

Dari hal itu, beberapa perkara perlu perhatian dalam memastikan penghantaran kursus yang sempurna:

- Tahap kesihatan dan kecerdasan yang memuaskan.
- Prestasi kerja yang baik.
- Zon perkhidmatan yang mencukupi.
- Sokongan daripada Ketua Jabatan.
- Perancangan kerjaya.

Pengurusan kursus dikendalikan melalui **unit pentadbir** yang terdapat dalam unit masing-masing dan disalurkan kepada **Sel Latihan** dan **Pejabat Latihan** di setiap unit ABDB dan KEMENTAH. Dalam hal ini, lapisan pemimpin serta kerani dalam unit masing-masing memainkan peranan yang penting bagi pengurusan yang lancar.

KEBAJIKAN ABDB

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEBAJIKAN YANG TERDAPAT DI DALAM
ABDB

Penjagaan kebajikan anggota
ABDB merupakan aspek
penting dalam menjaga
kesejahteraan keluarga



Pemedulian Kebajikan

Menggunakan Bahagian Ini

Bahagian ini akan menerangkan secara ringkas perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kebajikan yang terdapat di dalam ABDB. Maklumat yang disampaikan adalah ringkas dan sebarang pertanyaan dan maklumat selanjutnya boleh merujuk kepada unit masing-masing atau unit yang berkenaan.

Walaupun ABDB bukan organisasi kebajikan semata-mata, mengelinta kemasalahan anggota tetap merupakan tanggungjawabnya

Isi kandungan bahagian ini ialah:

Pemedulian Kebajikan	13
Peranan Pemerintah Unit	15
Perumahan	17
Perkhidmatan Kesihatan	19
Perkhidmatan Pergigian	21
Kewangan	23
Pembentukan Rohani	25
Kemudahan dalam Perkhemahan	27
Perkhidmatan Perundangan Tentera	29
Pusat PRIHATIN ABDB	33
Bantuan Komunikasi	35
Menghargai Anggota & Keluarga	37

Pemedulian Kebajikan

Rangka Inisiatif Menguruskan Kebajikan

Kebajikan dalam ABDB bermaksud jaminan sosial yang disediakan kepada anggota-anggota ABDB berupa keistimewaan dan kesejahteraan untuk memastikan keberkesanan operasi yang maksima.

Di dalam ABDB, usaha menjaga kebajikan anggota merangkumi beberapa inisiatif yang dijalankan sepanjang perkhidmatan seseorang anggota seperti yang digambarkan di bawah:



Rangka Inisiatif Isu Sosial ABDB

Tujuan rangka ini adalah bagi memberikan gambaran yang lebih nyata mengenai proses pengurusan penerapan disiplin dan penjagaan kebajikan pada setiap langkah perkhidmatan seorang anggota ABDB.

Objektif utama rangka ini adalah untuk memastikan setiap anggota mencapai **Tahap Terkawal** iaitu tahap yang stabil bagi individu itu walaupun masih mengalami masalah peribadi.

INISIATIF ABDB DALAM MENANGANI ISU ANGGOTA

SETIAP ANGGOTA MEMPUNYAI MASALAH YANG DAPAT DITANGANI MENGIKUT TAHAP KESERIUSAN

ISU TERKAWAL

Masalah peribadi yang tidak ada kesan kepada keberkesanan operasi dan kerja.

Cara Menangani: Meningkatkan pengawasan pada undang-undang, peraturan dan arahan terkini dan menerapkan nasihat mengenai kebajikan.

ISU RINGAN

Masalah yang ada sedikit kesan kepada keberkesanan operasi dan kerja tetapi tidak signifikan.

Cara Menangani: Menangani isu melalui rangkaian pemimpin dan proses yang terdapat di unit, iaitu melalui Ketua Jabatan dan Ketua Unit.

ISU BERAT

Masalah yang mempunyai kesan besar kepada keberkesanan operasi dan kerja.

Cara Menangani: Ditangani melalui bantuan khas. Unit mempunyai peranan dalam membantu proses menangani masalah. Anggota mungkin perlu menjalani tahap integrasi semula ke unit.

TERLIBAT DALAM KES

Terlibat dalam kes sosial & kes disiplin.

Cara Menangani: Menjalani hukuman melalui Akta 149 ABDB, hukuman syariah atau hukuman sivil. Anggota perlu menjalani tahap integrasi semula ke unit.

Walau bagaimanapun, sebagai organisasi yang mementingkan disiplin, pelanggaran yang besar boleh mengakibatkan seseorang anggota ditamatkan perkhidmatan (*Service No Longer Required* atau SNLR). Akan tetapi perkara ini sangat diusahakan supaya dielakkan.

Bermulanya dari latihan atas ketenteraan, penerapan ilmu asas mengandungi pelajaran disiplin dan undang-undang ABDB bagi memastikan setiap anggota akan mengetahui tingkah laku yang diterima bagi seorang tentera.

Sewaktu dalam perkhidmatan di unit, pembinaan keupayaan diteruskan melalui kursus mandatori dan kursus tambahan di samping mendapatkan pengalaman dalam mempraktikkan disiplin.

Setiap anggota mempunyai masalah peribadi yang melibatkan keluarga, kerja atau kedua-duanya. Masalah tersebut perlu ditangani sendiri dengan sedaya upaya. Walau-bagaimanapun, beberapa perkhidmatan dalam ABDB sedia digunakan mengikut rajah di sebelah. Maklumat mengenai perkhidmatan tersebut dapat dirujuk melalui unit masing-masing.

Peranan Pemerintah Di Unit

Setiap anggota dan keluarga berhak untuk menyuarakan permasalahan mereka dan meminta pertolongan daripada pihak pemimpin



Menghormati Rangkaian Pemerintahan

Di setiap unit ABDB terdapat rangkaian Pegawai dan Pegawai Tidak Bertauliah yang merupakan tampuk penjagaan unit itu. Peranan setiap pemimpin di dalam rangkaian itu berbeza tetapi tetap menuju kepada proses dan tujuan yang sama. Dari itu setiap anggota dan keluarga mereka boleh mempercayai bahawa setiap isu yang dibangkitkan akan dapat ditangani melalui rangkaian pemimpin unitnya.

Perlu diingati juga bagi setiap anggota untuk mengenali kepentingan rangkaian pemerintahan di unit masing-masing merupakan tunggak bergerak nadi organisasi tentera. Tanpa rangkaian ini, maka pengurusan pentadbiran dan operasi tidak akan berjalan dengan berkesan malah akan menimbulkan kekeliruan.



Peranan Pemerintah Di Unit

Melaporkan Masalah Peribadi

Setiap unit itu berbeza organisasinya, tetapi tetap bersamaan dari segi pengawalan. Para pemimpin merupakan titik rujukan pertama termasuk untuk menyampaikan sebarang isu dan masalah yang dihadapi. Antara anggota yang perlu dikenali oleh setiap anggota dan keluarga mereka adalah:

- Pegawai atasan dalam unit atau pejabat (**Ketua Jabatan**)
- Pegawai tertinggi dalam unit itu (**Ketua Unit**)
- Pegawai pentadbir atau ejutan unit
- PTB Kanan / Sarjan Mejar terdekat
- Ketua terdekat



"Setiap kamu adalah pemimpin dan kamu semua bertanggungjawab terhadap orang di bawah jagaanmu."

- Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim

Perumahan

Perkhidmatan Perumahan bagi Keluarga Anggota



Antara kebijakan anggota yang diambil berat oleh ABDB ialah kemudahan perumahan bagi anggota-anggota yang memerlukannya. Dalam ABDB, terdapat pelbagai jenis perumahan yang bersesuaian bagi anggota dan keluarga mereka.

Maklumat lanjut mengenai jenis perumahan dan perkhidmatan yang dapat disediakan bolehlah dirujuk kepada **pejabat perumahan** garison dan perkhemahan masing-masing. Maklumat ringkas juga terdapat dalam Lampiran buku ini.

Setiap anggota layak mendapat tempat tinggal sepanjang perkhidmatan

Perumahan bagi Anggota-Anggota Bujang

Anggota yang baru sahaja habis fasa latihan rekrut atau fasa sekolah pegawai kadet secara lazimnya akan ditempatkan di Berek Bujang atau Mes dalam perkhemahan masing-masing atau kediaman yang telah dikhaskan sehingga mereka mendapat perumahan sendiri atau telah berkahwin. Suasana yang disediakan adalah mengikut keperluan perkhemahan masing-masing dan menggalakkan hubungan *camaraderie* dengan rakan dan sahabat. Kemudahan yang diaturkan juga menjadi satu tanggungjawab pejabat perumahan ABDB bagi memastikan anggota-anggota bujang ABDB akan dapat hidup dengan selesa dan pada masa yang sama memudahkan perjalanan anggota ke tempat kerja.

Perumahan

Perumahan Kelamin ABDB

Pihak ABDB juga memperuntukkan perumahan kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pertahanan bagi rumah tangga kelamin anggota-anggota ABDB. Kediaman yang disediakan adalah bersesuaian mengikut keperluan sesebuah rumah tangga dan juga mengikut sukanan gaji dan pangkat anggota.

Ada sebilangan perkhemahan yang ada peruntukan perumahan kelamin dalamnya. Perkhemahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Berakas Garison
- Perkhemahan Muara
- Perkhemahan Tanah Jambu
- Perkhemahan Tutong
- Penanjong Garison
- Perkhemahan Lumut
- Perkhemahan Temburong



Perumahan Kelamin Di Luar Perkhemahan

Perumahan Kerajaan bawah kawalan Kementerian Pertahanan juga diperuntukkan bagi rumah tangga kelamin yang memerlukannya. Pemilihan perumahan sama ada dalam atau luar perkhemahan adalah kepada keperluan unit bagi anggota tersebut dan keperluan rumah tangga kelamin itu sendiri.

Dalam bahagian Lampiran buku ini, terdapat beberapa maklumat lebih lanjut bagi anggota serta keluarga seperti tatacara permohonan dan pengosongan perumahan ABDB dan Kementerian Pertahanan serta kategori perumahan dan peraturan perumahan ABDB.

Perkhidmatan Kesihatan

Sihat Demi Berkhidmat

Sebagai anggota ABDB, mereka dan keluarga terdekat mereka berhak menggunakan kemudahan perkhidmatan perubatan dan pergigian yang disediakan oleh Perkhidmatan Perubatan (MRS) dan Perkhidmatan Pergigian, Khidmat Bantu Kombat Tentera Darat Diraja Brunei. Semua unit-unit MRS buka 24 jam setiap hari.

Perkhidmatan– perkhidmatan yang disediakan adalah:

- Pemeriksaan kesihatan
- Pemeriksaan Gigi
- Nasihat masalah akut atau kronik
- Ambulans dan Kecemasan
- Farmasi
- Rujukan ke Doktor Pakar
- Prosedur asas seperti menjahit, mengambil darah dan suntikan
- Rehabilitasi bagi kecederaan



Keluarga Terdekat – Suami, Isteri dan anak-anak boleh mendapat perkhidmatan perubatan dan pergigian yang dibekalkan di ABDB

Mendukung Dasar Kesihatan Negara

Khidmat Perubatan dan Khidmat Pergigian berkait rapat Bersama Kementerian Kesihatan bagi memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi.

Anggota – anggota ABDB mempunyai rangkaian terus bagi mendapatkan perkhidmatan kepakaran di Hospital RIPAS melalui MRS Perkhemahan dan Garison.

Ubat Preskripsi

Sebarang ubat preskripsi dan *supplement* dari mana-mana klinik kerajaan atau swasta termasuk lain-lain klinik perlu dilaporkan ke unit MRS bagi dimasukkan dalam dokumen rekod kesihatan anggota.

Perkhidmatan Kesihatan

Badan Perubatan & Rehabilitasi

Keadaan kesihatan anggota akan diperiksa dan jika perlu akan disenaraikan dalam badan perubatan. Badan perubatan akan membantu dalam rehabilitasi dan pemulihan melalui menterhadkan tugas dan kerja ringan sepanjang tempoh yang ditetapkan.

Kemudahan rehabilitasi bagi anggota yang mengalami kecederaan musculoskeletal. Mereka akan dirujuk ke pakar di RIPAS atau fisioterapi di Pusat Optima Keupayaan Tentera.



SEDIA MENJALANKAN TUGAS

LAYAK NAIK PANGKAT DAN MENGHADIRI KURSUS

INDEKS JISIM TUBUH, UJIAN TAHUNAN DAN PENCESAHAN KESIHATAN

KESIHATAN SEPANJANG HIDUP

GAYA HIDUP SIHAT MEMBERIKAN KESENANGAN KEPADA DIRI DAN KELUARGA

KEPENTINGAN PENJAGAAN KESIHATAN

SETIAP INDIVIDU TETAP BERTANGGUNGJAWAB ATAS KESIHATAN DAN KECERGASAN DIRI

Nombor Telefon Berguna

Beberapa nombor telefon bagi Perkhidmatan Kesihatan di perkhidmatan terdapat dalam bahagian Lampiran buku ini.

Perkhidmatan Pergigian

Kesihatan Gigi dan Mulut sekeluarga

Anggota ABDB serta ahli keluarga terdekat (anak sehingga umur 18 tahun kecuali masih menuntut sepenuh masa) adalah berhak untuk menerima khidmat rawatan pergigian di Khidmat Pergigian, Khidmat Bantuan Kombat, Tentera Darat Diraja Brunei.

Perkhidmatan rawatan pergigian disediakan adalah:



- Pemeriksaan Gigi Tahunan
- Rawatan kecemasan pergigian
- Rawatan Pergigian Am (tampal, cabut, dsb)
- Pengambilan *Digital X-Ray* Pergigian
- *Khidmat Referral* kepada Kementerian Kesihatan bagi rawatan pakar seperti Ortodontik dan Periodontik
- Rawatan Pembedahan Mulut (cabutan gigi *wisdom* dan akar)



Rawatan *Dental Hygiene* dan nasihat penjagaan kesihatan gigi dan gusi

Rawatan Pergigian Kanak-Kanak

Pembuatan Gigi Palsu Akrylik & Rangka Besi, *Crown and Bridgework*

Perkhidmatan Pergigian

Mendapatkan Perkhidmatan Pergigian

Anggota tentera dikehendaki mendapatkan rawatan pergigian daripada Pusat Khidmat Pergigian terdekat dan bertanggungjawab terhadap Unitnya bertugas.

Tempoh waktu melapor sakit (*Sick Parade*) di semua Khidmat Pergigian adalah dari **0730 – 0830 pagi**.

Setiap anggota tentera dikehendaki menjalani Pemeriksaan Gigi Tahunan setahun sekali.

Sila maklumkan Pusat Pergigian anda seawal mungkin jika anda ingin membuat perubahan terhadap temu janji yang diberikan.



Kecemasan Pergigian Diluar Waktu Bekerja

Sila hubungi Pusat Perubatan MRS Berakas di talian **2311777** yang akan menghubungi pihak pergigian bertugas secara *Duty On-Call*.

Hanya masalah kecemasan sahaja akan diterima.



Nombor Telefon Berguna

Beberapa nombor telefon bagi Perkhidmatan Pergigian di perkhemahan terdapat dalam bahagian Lampiran buku ini.

Kewangan

Penjagaan Kewangan Peribadi Anggota ABDB

ABDB mengenali kepentingan pengurusan kewangan peribadi yang efektif dalam menjaga kebajikan anggota. Di dalam unit, bantuan kewangan yang dihulurkan adalah dalam bentuk nasihat dan menjalankan proses gaji dan elaun.

Di unit, **Pejabat Gaji** adalah tumpuan bagi sebarang pengurusan perkhidmatan kewangan anggota di dalam unit itu. Unit ini terdiri daripada Pegawai Gaji dan staf-staf yang membantunya mengikut aspek-aspek kewangan seperti pengurusan gaji dan elaun.

Walau bagaimanapun, setiap anggota perlu bijak mengurus kewangan dan perbelanjaan sendiri. Salah satu daripadanya ialah pengurusan **hutang**. Hutang itu perlu sekiranya melibatkan keperluan dan bukannya semata-mata demi keseronokan dan kemahuan.



Formula Pengurusan Kewangan

Tetapkan matlamat-matlamat kewangan yang bijak

Teliti pendapatan dan perbelanjaan awda

Kenalpasti perbelanjaan yang tidak penting

Buka akaun simpanan secara berasingan

Jika mempunyai lebihan wang, lunaskan hutang awda

Dapatkan perkhidmatan perancang kewangan yang bertaualih

Rujukan: www.abdb.gov.bn

Kewangan

Dari itu ABDB akan sentiasa mengadakan inisiatif bagi memberi gambaran dan pengawasan mengenai perancangan kewangan melalui koordinasi bersama institut-institut dan syarikat-syarikat pengurus kewangan.

“Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka itu adalah sederhana di antara kedua-duanya.”

- Surah Al-Furqan, Ayat 67



Penjagaan Kewangan Asas Kebajikan Anggota

Bantuan Keprihatinan

Dalam ABDB juga terdapat Tabung Kebajikan yang merupakan kaedah untuk memberikan bantuan kepada anggota-anggota serta tanggungan mereka dengan apa jua aspek-aspek yang berunsurkan amal jariah seperti ahli meninggal dunia dan apa jua hal ehwal kebajikan yang mendatangkan kemanfaatan kepada semua anggota ABDB. Di unit-unit juga terdapat tabung dan dana yang disediakan, tertakluk kepada dasar dan prosedur unit masing-masing. Setiap anggota ABDB juga mempunyai insurans perlindungan yang dapat dituntut sekiranya anggota tersebut mengalami kemalangan. Dasar mengenai insurans ini dapat dirujuk kepada Pejabat Gaji di unit masing-masing.

Pembentukan Rohani



*Pengukuhan
ABDB tertakluk
kepada
kekuatan
pegangan
agama*

“Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”

- Surah Al-'Asr

Di setiap unit juga terdapat surau dan imam yang dapat menjadi rujukan bagi sebarang pertanyaan keagamaan. Mereka boleh dijadikan tempat rujukan pertama bagi sebarang permasalahan yang berkaitan dengan keagamaan.

Organisasi seperti ABDB sangat menekankan pengukuhan agama selaku penjaga keamanan negara. Dalam ABDB, Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT) berkemampuan untuk memberikan nasihat dan perkhidmatan keagamaan kepada anggota dan keluarga mereka.



Pembentukan Rohani

Sebagai unit tumpuan penerapan Islam di ABDB, JAMA'AT juga berperanan untuk pembelajaran agama di setiap unit. di samping itu, pemimpin di setiap lapisan juga diharapkan untuk menentukan setiap anggota beragama Islam terjaga kerohanian mereka.

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh JAMA'AT termasuk:

- Pengislaman
- Pengurusan jenazah
- Bimbingan keluarga
- Kelas bimbingan Al-Quran
- Nasihat Am Islam
- Perkhidmatan Amil

Di samping perkhidmatan keagamaan, ABDB juga mengenali kepentingan Maqasid Syariah sebagai konsep untuk menjaga kebijakan anggota. Sebagai organisasi berteraskan Islam, ABDB percaya dengan menerapkan Maqasid Syariah, kesejahteraan organisasi dan anggota-anggotanya dapat dikekalkan.

Bagi anggota bukan beragama Islam, keperluan agama dan kerohanian juga dijaga melalui unit pentadbiran masing-masing.

MENUJU NEGARA DZIKIR

PENERAPAN MAQASID SYARIAH

ABDB mengenali kepentingan Maqasid Syariah sebagai panduan untuk menjaga kebijakan anggota. Anggota perlu mengetahui dan memahami inisiatif-inisiatif daripada ABDB untuk memastikan setiap perkara dalam konsep ini diterapkan.

PENJAGAAN AGAMA



Menjaga Rukun Islam dan menjaga hak kerukunan agama lain.

PENJAGAAN NYAWA



Menjaga keselamatan negara dan memastikan keselamatan dalam kerja.

PENJAGAAN AKAL



Penerapan ilmu dan penjagaan kesejahteraan anggota.

PENJAGAAN KETURUNAN



Menentukan perancangan pengambilan dan menjaga keluarga anggota.

PENJAGAAN HARTA



Menentukan kebijakan angota dan membantu pengurusan kewangan peribadi.

Kemudahan Dalam Perkhemahan

Memberikan Kemudahan kepada Keluarga


Demi kesenangan hidup anggota ABDB dan keluarga mereka, beberapa kemudahan terdapat dalam setiap perkhemahan.



Sekolah Rendah & Sekolah Ugama

Anggota ABDB boleh menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah dan sekolah ugama yang terdapat di beberapa perkhemahan termasuk:

- Berakas Garison
- Pangkalan TLDB Muara
- Penanjong Garison
- Perkhemahan Tutong



Sebahagian daripada perkhemahan ABDB juga ada menyediakan perkhidmatan pengangkutan bagi menghantar anak-anak anggota ABDB ke sekolah-sekolah tersebut. Sebarang maklumat lanjut boleh ditanyakan melalui unit masing-masing.

Kemudahan Sukan

Setiap perkhemahan mempunyai kemudahan sukan seperti gim, stadium kecil dan dewan serbaguna masing-masing. Kemudahan ini adalah di bawah pentadbiran unit masing-masing melalui unit PTI.

Kemudahan Dalam Perkhemahan



KOWIRA

Cawangan syarikat KOWIRA dapat ditemui di semua perkhemahan dan garrison ABDB. Antara perkhidmatan tersebut adalah:

- Kedai runcit
- Pengurusan insurans
- Kafe dan katering
- Pembayaran kemudian

Sebarang maklumat lanjut boleh dirujuk ke KOWIRA yang terdekat.

Kemudahan dalam perkhemahan adalah untuk kesenangan seluruh warga ABDB dan keluarga mereka

Perpustakaan

Perpustakaan Kementerian Pertahanan terdapat di beberapa perkhemahan iaitu:

- Bolkiah Garison
- Penanjong Garison
- AP ABDB

Anda boleh melayari laman sesawang Kementerian Pertahanan di www.mindef.gov.bn untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang ditawarkan.



Perkhidmatan Perundangan Tentera



Pejabat Perundangan Tentera

ABDB amat menekankan anggota untuk menunjukkan disiplin dan taat kepada undang-undang. Seorang anggota mestilah patuh kepada undang-undang negara dan peraturan tentera.

Khidmat Yang Diberikan

Judge Advocate General's Office (JAG atau PPT) memainkan peranan dalam memberikan khidmat nasihat perundangan dari segi tata tertib, pentadbiran, operasi, latihan dan polisi kepada anggota terutama yang memegang pucuk kepimpinan agar sebarang tindakan atau keputusan mengenai perkara-perkara ini dibuat atau diambil sejajar dengan **prinsip keadilan, undang-undang ABDB dan Negara amnya dan mengikut proses yang sewajarnya (Due Process)**.

Dari segi polisi, PPT memberikan khidmat nasihat perundangan agar polisi yang sedia ada, atau yang akan digubal oleh pihak-pihak tertentu di dalam ABDB adalah konsisten dengan undang-undang ABDB dan Negara serta mendokong prinsip '*natural justice*'. Di samping itu, PPT juga mengendalikan kursus-kursus perundangan serta memberi taklimat mengenai undang-undang ABDB di dalam kursus-kursus mandatori.

PPT berpegang teguh kepada kepentingan dalam memberikan akses kepada keadilan (*access to justice*) kepada seluruh warga ABDB tanpa mengira pangkat. Untuk mencapai hasrat ini, PPT memberikan khidmat nasihat perundangan khususnya kepada anggota tentera yang terlibat secara langsung atau tidak, dengan hal-hal atau kes-kes yang berkaitan dengan undang-undang sama ada di dalam ABDB atau di luar.

Perkhidmatan Perundangan Tentera

Kes / Isu-Isu Di Dalam ABDB (*General Advisory*)



- Isu mengenai hak-hak anggota (jika menghadapi tuduhan kes).
- Isu mengenai sebarang ketidakadilan (dari segi proses atau kepimpinan) di tempat kerja.
- Gangguan seksual (*Sexual Harassment*) di tempat kerja.
- Isu Diskriminasi di tempat kerja.
- Permasalahan peribadi anggota yang melibatkan anggota tentera lain.
- Hal ehwal pengurusan tanah atau pembelian rumah persendirian.
- Isu pinjaman bank, dan sebagainya.

Kes Sivil (Sivil)



- Isu jalan raya dan lalu lintas.
- Isu hutang piutang.
- Saman Mahkamah (*Court summons*).
- Tuntutan Mahkamah Sivil (*Civil lawsuits*).
- Muflis (*Bankruptcy*).
- Kes Kecederaan Peribadi (*personal injury*) berikutan kemalangan dan proses tuntutan, dan sebagainya.

Kes Sivil (Jenayah)

- Kes Pukul.
- Kes Curi.
- Isu tangkapan Pasukan Polis Diraja Brunei dan proses ikat jamin (*bail bond*), dan sebagainya.

Kes Syariah



Selain PPT, unit JAMA'AT dapat memberikan nasihat dan bantuan dalam perkara di bawah:

- Hal Ehwal Keluarga Islam
- Nasihat Undang-Undang Keluarga Islam
- Nasihat Kesalahan Jenayah Syariah


Perkhidmatan Perundangan Tentera

Sumber Rujukan Undang Undang

Sumber rujukan undang-undang PPT untuk memberikan khidmat nasihat terbahagi kepada 3 iaitu Undang-undang Negara Brunei Darussalam termasuklah Akta ABDB Penggal 149, Undang-undang Antarabangsa dan Polisi ABDB yang berkait rapat bagi menyokong serta menetapkan tahap disiplin yang tinggi serta diperlukan di dalam ABDB.

AKTA-AKTA DAN UNDANG-UNDANG ABDB

SENARAI BAHAN RUJUKAN BAGI MENGENALI
PERKHIDMATAN PERUNDANGAN TENTERA



Jika terdapat sebarang permasalahan mengenai undang-undang yang melibatkan anggota ABDB bolehlah berhubung terus di talian 2386919 bagi meminta khidmat nasihat perundangan semasa waktu bekerja.

Perkhidmatan Perundangan Tentera



Khidmat nasihat perundangan yang diberikan adalah menjurus kepada nasihat mengenai proses undang-undang dan mahkamah am nya, hak-hak anggota di bawah undang-undang dan pilihan tindakan yang dapat diambil oleh anggota yang terlibat dan bukan pengendalian kes.

Sumber rujukan bagi Undang-undang Antarabangsa yang digunakan di dalam ABDB adalah seperti, *Geneva Convention I-IV 1949 and Additional Protocols 1977*, *United Nation Convention Law of the Sea 1982* dan sebagainya.

Sementara itu, polisi-polisi ABDB yang berkaitan dengan disiplin anggota adalah seperti:

- Perintah Am Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bagi Mengawal dan Membanteras Penyalahgunaan Dadah,
- Perintah Am Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Hamil Sebelum Bernikah,
- Perintah-perintah Tetap ABDB, dan sebagainya.

Manakala, sumber rujukan bagi Undang-undang Operasi ABDB adalah seperti *Rules of Engagement* dan Undang-undang Negara yang berkaitan.

Pusat PRIHATIN ABDB



*Penjagaan Rapi
Ihsanat Anggota
Tentera Iltizam
Negara*

Menjaga Kesejahteraan Keluarga

Pusat PRIHATIN ABDB merupakan sebuah tempat khusus dalam memberikan bantuan asas serta profesional dari segi perkhidmatan penasihat dan memastikan kesejahteraan anggota-anggota ABDB serta keluarga terdekatnya.

Antara perkhidmatan Pusat PRIHATIN ABDB tertumpu kepada enam sektor seperti yang tertera di sebelah.

Pusat PRIHATIN ABDB

Talian Pertolongan
2386143

Emel
pusatprihatin@mindf.gov.bn

Setiap
Isnin – Jumaat
Waktu Bekerja



Objektif Pusat PRIHATIN ABDB adalah untuk memberi sokongan komprehensif, profesional dan bertindak mengikut keperluan individu, keluarga dan unit untuk memaksimumkan keberkesanannya operasi anggota-anggota ABDB. Dalam hal ini, prinsip-prinsip psikologi memainkan peranan penting untuk mencapai tahap perkembangan yang optimum buat anggota dan keluarga.

PERKHIDMATAN PUSAT PRIHATIN ABDB



KAUNSELING UNTUK INDIVIDU & KELUARGA

Membantu Individu dan keluarga untuk mengatasi cabaran peribadi atau psikologi.



KAUNSELING RUMAHTANGGA

Memberi bimbingan dan nasihat profesional dalam permasalahan rumahtangga.



BIMBINGAN & NASIHAT KEUGAMAAN

Memberi nasihat dan bimbingan untuk semua hal keugamaan.



NASIHAT KEWANGAN

Memberi nasihat dalam perkara kewangan.



PENASIHAT UNDANG-UNDANG SYARIAH UNTUK KELUARGA

Memberi bimbingan & nasihat profesional dalam permasalahan rumahtangga dari sudut Syariah Islam.



NASIHAT UNDANG-UNDANG

Memberi nasihat dan bantuan dari segi undang-undang.

Kesemua perkhidmatan dan maklumat juga adalah sulit kepada anggota dan keluarga kecuali ia membahayakan dirinya sendiri, para kaunselor ataupun organisasi. Hanya keberadaan anggota yang akan dilaporkan kepada unit asal anggota.

Kebajikan tentera bukan hanya setakat meliputi kesejahteraan anggota tentera itu sendiri, tetapi juga untuk menolong sedaya yang boleh kesejahteraan keluarga tentera tersebut.

Selain memberi khidmat kaunseling, nasihat dan bimbingan, pusat prihatin juga mengendalikan pelbagai kegiatan seperti kursus dan program pemulihan seperti program pemulihan dadah, program berterusan parakaunselor, ceramah motivasi untuk anggota ABDB dan kegiatan serta penempatan dengan agensi luar.

Nombor Telefon Berguna

Beberapa nombor telefon bagi Sel-sel kesejahteraan ABDB terdapat dalam bahagian Lampiran buku ini.

Bantuan Komunikasi


Penerangan Untuk Keamanan

Ke arah memastikan keperluan kesejahteraan bagi setiap anggota di titikberatkan, ABDB menyediakan beberapa platform bagi anggota tentera dan keluarga menyalurkan isu-isu kebajikan.

Laman Sesawang

Anggota ABDB boleh melayari www.mindef.gov.bn bagi berita-berita terkini dan kejadian di Kementerian Pertahanan dan ABDB.

*Bermula
Pengurusan Efektif
adalah dari
Komunikasi yang
berkesan*



Aplikasi Kejahteraan Tentera

Aplikasi Kesejahteraan Tentera adalah inisiatif utama bagi anggota ABDB untuk mengemukakan aduan dan pertanyaan mengenai hal ehwal kebajikan serta perkhidmatan khusus melalui Pusat PRIHATIN ABDB. Aplikasi ini adalah kaedah alternatif bagi anggota untuk berkomunikasi tentang hal ehwal kebajikan mereka. Walau bagaimanapun, para pemimpin dan unit pentadbir di unit tetap menjadi titik tumpuan pertama sebagai sumber informasi.

Aplikasi ini akan dapat digunakan oleh warga ABDB dan akan memerlukan pendaftaran masuk. Maklumat selanjutnya boleh dirujuk kepada unit pentadbir serta Pusat PRIHATIN ABDB.

Inquiry Form juga terdapat di tab *Contact Us* di laman sesawang Kementerian Pertahanan untuk aplikasi ini.

Bantuan Komunikasi

Jenis Perkhidmatan yang Diperolehi Melalui Aplikasi

Pusat PRIHATIN ABDB

Bantuan profesional dan rujukan khusus:

- Kaunseling Individu dan Keluarga
- Kaunseling Rumahtangga
- Nasihat Perundangan Kekeluargaan Islam
- Nasihat dan Rujukan Keagamaan
- Nasihat Kewangan
- Nasihat Perundangan Sivil

Perkhidmatan Kebajikan

Isu-isu yang berkaitan dengan hal ehwal kebajikan tentera:

- Rumah Kelamin
- Mes
- Barek Bujang
- Kelengkapan Bertugas
- Kemudahan Perkhemahan
- Kepimpinan
- Cuti
- Perkembangan Kerjaya

Nombor Telefon Berguna

Beberapa nombor telefon bagi perkhidmatan-perkhidmatan dalam ABDB terdapat dalam bahagian Lampiran buku ini.

Menghargai Anggota & Keluarga



Tiada Motivasi Lebih Bermakna Daripada Penghargaan Jasa

Menghargai Keluarga Anggota

Kepentingan keluarga bagi kesejahteraan anggota adalah sangat tinggi. Dari itu ABDB juga menghargai dan mengenang keluarga anggota termasuk anak-anak cemerlang, penghargaan kepada anak-anak istimewa, dan sumbangan kepada keluarga yang mengalami kesusahan.

Maklumat mengenai keluarga setiap anggota disimpan oleh unit pentadbir di setiap unit dan perlu dikemaskini dari semasa ke semasa.

Mengenali Prestasi Baik

Setiap anggota ABDB yang telah menunjukkan perkhidmatan yang baik berpeluang untuk dikenali dalam bentuk penghargaan dan pingat.

Pingat-pingat tersebut diuruskan melalui unit pentadbiran masing-masing dan berpandukan kepada sokongan daripada Ketua Jabatan dan Ketua Unit. Sokongan tersebut berdasarkan beberapa faktor, di antaranya:

- Prestasi kerja yang baik
- Cukup tahun perkhidmatan
- Jasa khas kepada negara



Menghargai Anggota & Keluarga



Memasuki Kehidupan Baru

Pada penghujung perkhidmatan, seorang tentera dapat menjangkakan untuk menamatkan hidupnya sebagai tentera dan beralih kepada kehidupan awam. Peralihan ini merupakan satu aspek yang perlu diurus dengan rapi bagi memastikan perubahan gaya hidup yang lancar dan setaraf dengan sumbangan yang banyak diberikan oleh anggota itu.

Dalam tempoh peralihan, ada beberapa perkara yang akan dijalankan yang perlu diketahui awal:

- Kursus Pra-Peralihan dan Kursus Peralihan
- Penggantian Kad Pengenalan
- Mengembalikan Kelengkapan Perseorangan
- Serah Terima Tugas

Perubahan ini sememangnya merupakan satu langkah besar ke masa hadapan seorang warga ABDB. **Unit Pentadbir** dan **Ketua Jabatan** masing-masing akan dapat memberikan nasihat dan membantu dalam proses ini yang juga akan banyak berurusan dengan **Jabatanarah Keanggotaan KEMENTAH** melalui **Pejabat Rekod**.

KEADAAN DAN ISU SOSIAL

RUMUSAN HASIL KAJI SELIDIK ISU
SOSIAL DI KALANGAN WARGA ABDB DAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN 2019-2020

*“Allah tidak membebani seseorang melainkan
apa yang terdaya olehnya.”*
- Surah Al Baqarah, Ayat 286

Mengenali isu sosial di dalam
sesuatu organisasi adalah
penting sebelum ianya dapat
ditangani dengan berkesan



Mengenal pasti Isu Sosial

Mengenali Isu Sosial

Seksyen-seksyen sebelum bahagian ini menerangkan secara ringkas hal perkhidmatan kebajikan yang terdapat di dalam ABDB. Sekarang, dalam bahagian ini akan menerangkan tentang isu-isu sosial dan bagaimana ia boleh menjelaskan sesuatu organisasi termasuklah ABDB.

Seperti yang akan diterangkan kemudian, beberapa faktor yang terdapat dalam tahap-tahap keadaan seorang individu mempunyai kesan pada mentaliti dan emosinya. Ia boleh mendorong seseorang itu untuk terlibat dalam kes sosial dan pelanggaran disiplin.

Isi kandungan bahagian ini adalah:

Model Keadaan Sosial ABDB	41
Makna Isu Sosial dalam ABDB	43
Punca dan Akibat Isu Sosial	44
Faktor-Faktor Isu Sosial dalam ABDB	45

"Apatah lagi jika di dalam sesebuah negara itu sedang bersarang gejala sosial terutama sekali gejala jenayah maka tidak syak lagi ia akan menjadi ancaman kepada keselamatan, keamanan dan bahkan nyawa."

- Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1435 Hijriah/2014 Masihi

Mengenal pasti Isu Sosial

Model Keadaan Sosial Anggota ABDB


Di samping masalah kerja dan kebajikan, setiap anggota mempunyai pelbagai masalah tersendiri bergantung kepada aspek persekitaran dan corak kehidupannya.

“Kita turut menginginkan sebuah negara yang benar-benar memenuhi ciri-ciri ‘Baladatun Tayyibatun Warabbun Ghafur’, yang sejahtera lagi bahagia dibawah pemeliharaan Allah.”

- Titah KDYMM Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-30

Model Keadaan Sosial Anggota ABDB menunjukkan tahap-tahap persekitaran yang menyumbang kepada tingkah laku seorang individu. (Contoh faktor-faktor dalam keadaan seseorang individu itu terdapat di sebelah dan juga muka surat 45).

Model Keadaan Sosial Anggota ABDB



Tertakluk kepada individu itu sendiri, setiap tahap akan mempunyai kesan yang berbeza kepada individu itu. Sebilangan anggota akan lebih terpengaruh oleh keluarga manakala selebihnya akan lebih terpengaruh oleh situasi kerja.

*Datangnya Masalah Dalam Hidup Seseorang Puncanya
Daripada Keadaannya Dan Pendiriannya*

Mengenal pasti Isu Sosial

CONTOH ISU-ISU YANG BOLEH MENGAKIBATKAN KES SOSIAL

	
Persekutuan Kerja yang Negatif	Kegiatan Kurang Bermoral
	
Sistem Kebajikan Kurang Efektif	Salahguna Dadah
	
Kepimpinan yang Kurang Efektif	Jenayah
	
Masalah Kewangan Peribadi	Penderaan Keluarga

Dalam kes tentera, dorongan daripada tahap-tahap tersebut akan mengakibatkan seorang individu melakukan kegiatan antisosial, pelanggaran disiplin dan kes-kes sosial. Dalam ABDB, **Isu Sosial** itu bermaksud:

“Keadaan-keadaan dan tingkah laku yang mencabar nilai-nilai teras ABDB dan/atau etika moral berturuskan Islam dan mempunyai impak negatif kepada masyarakat.”

Seperti yang diterangkan dalam bahagian awal buku ini, isu-isu sosial dalam ABDB perlu ditangani secara usaha berkumpulan. Ini termasuk memastikan kebaikan seseorang itu terjaga dan menerapkan ilmu dan keupayaan yang betul. Manakala bagi seorang warga ABDB, ia perlu memastikan keharmonian keluarga itu adalah dalam keadaan yang sempurna supaya disiplin ketenteraan akan terjaga.

Mengenal pasti Isu Sosial

Apakah itu Isu Sosial?

Isu sosial merupakan isu-isu yang berbangkit akibat tingkah laku negatif seseorang individu ataupun akibat pengabaian sesuatu kewajipan terhadap kebajikan. Isu sosial ini sebenarnya sangat kompleks dan sukar hendak ditafsirkan dengan jelas. Oleh yang demikian isu sosial ini hendaklah dipandang mengikut konteks tertentu sebagai garis pandu untuk memudahkan tatacara membendungnya.

Institusi keluarga yang kukuh dapat mengelakkan kesan-kesan negatif daripada isu sosial



Isu sosial yang tidak terkawal akan mengakibatkan kerugian besar bukan sahaja kepada anggota tersebut malahan kepada ahli-ahli keluarga mereka dan juga unit anggota itu berkhidmat. Tidak semua isu sosial ini mudah dan senang ditangani, ada isu sosial yang kompleks dan perlu penglibatan organisasi untuk membantu individu yang terbabit menangani masalah mereka.

Beberapa keadaan dan faktor dapat dikenal pasti yang merupakan pendorong utama seorang individu terlibat dalam isu sosial. Walau bagaimanapun, isu sosial itu kebanyakannya timbul daripada individu itu sendiri.

Mengenal pasti Isu Sosial

Bagaimanakah Timbulnya Isu Sosial?

Seorang anggota terutama sekali pihak pemimpin di dalam ABDB perlu menyedari punca timbulnya isu sosial dan kesan yang boleh terjadi apabila isu tersebut tidak ditangani dengan efektif. Adalah penting untuk mengenal pasti punca isu sosial dan akibatnya jika tidak dapat ditangani dengan baik.



Punca dan kesan isu sosial di dalam ABDB boleh dilihat dalam rajah di atas. Oleh yang demikian adalah perlu bagi setiap anggota memahami rajah ini dengan baik supaya mereka ada rasa tanggungjawab dalam mengawal isu sosial yang mereka hadapi dan ditangani secara berhemah.

Pucuk kepimpinan setiap unit di ABDB haruslah menyalurkan perkara ini kepada anggota yang dipimpin agar mereka peka dan menghindarkan diri daripada kesan negatif isu sosial yang hadapi.

Mengenal pasti Isu Sosial

Isu Sosial Dalam ABDB

Isu sosial di dalam ABDB pada masa ini belum mencapai tahap kritis dan masih dapat ditangani. Walau bagaimanapun, trend peningkatkan isu sosial dalam ABDB semakin ketara sama ada berpunca daripada perkara negatif yang dilakukan oleh anggota terbabit mahupun dari segi pentadbiran inividu dalam menerajui unit masing-masing.

Media sosial pada masa ini kerap menjadi platform isu-isu dalam ABDB tersebar keluar kepada pihak awam walaupun sebilangan perkara berkenaan hanyalah kecil dan mudah ditangani tanpa perlu dihebohkan kepada pihak awam.

Antara isu-isu sosial yang boleh menjelaskan imej ABDB ialah masalah disiplin anggota dan kebajikan yang terabai. Kedua-dua perkara ini memberikan impak negatif yang besar kepada ABDB.

Oleh yang demikian ABDB telah membentuk strategi-strategi tertentu untuk mengawal dan membasmi gejala isu-isu sosial yang tidak sihat ini.



Mengenal pasti Isu Sosial

Sebelum mengeluarkan strategi-strategi untuk membendung isu sosial ini adalah perlu untuk mengenal pasti punca dan sebab yang menjadi tunggak kepada berlarutannya isu sosial ini. Berdasarkan rajah punca dan kesan isu sosial dalam ABDB tersebut tiga sebab utama seperti berikut.

Setiap faktor dalam tahap-tahap keadaan mempunyai kesan yang berbeza tertakluk kepada individu itu

Pelanggaran Disiplin

Walaupun kes-kes pelanggaran disiplin ini merupakan lumrah dalam organisasi tentera, namun ABDB meyedari perkara ini tidak dapat diberikan toleransi terutama sekali kes-kes disiplin yang besar dan tersebar kepada pengetahuan awam.

Permasalahan Peribadi dan Keluarga

Meskipun permasalahan peribadi dan keluarga tidak bersangkut paut langsung dengan ABDB namun akibat daripada keperibadian yang negatif dan keruntuhan institusi keluarga anggota boleh sahaja menjelaskan ABDB.

Pengabaian Kebajikan

Pengabaian kebajikan anggota oleh sebilangan pemimpin yang kurang prihatin ataupun yang kurang berpengalaman setentunya boleh menjelaskan kemasalahatan anggota dalam perkara yang berhak ke atas mereka.

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa-apa yang ada pada diri mereka sendiri.”

- Surah Ar-Ra'd, Ayat 11

PANDUAN PEMIMPIN

RUMUSAN HASIL KAJI SELIDIK ISU
SOSIAL ABDB 2019-2020

"Kita cari jalan untuk berubah: Berubah dari yang tidak atau kurang baik kepada yang baik dan lebih baik."

- Titah Sempena Majlis Sambutan Isra' dan Me'raj Tahun 1428 Hijrah/2007 Masihi

Kesedaran pada inisiatif ABDB dalam menangani isu sosial yang setiap pemimpin perlu mengetahui dan bertindak sewajarnya



Panduan Pemimpin

Menangani Isu Sosial

Seksyen sebelum bahagian ini menerangkan secara ringkas isu-isu sosial yang boleh mejejak ABDB. Bahagian ini merupakan kesinambungan penerangan strategi-strategi yang ABDB praktikkan untuk membendung perkara ini. Setiap lapisan pemimpin dalam ABDB hendaklah memahami dengan baik inisiatif-inisiatif tersebut demi menjayakan peningkatan keadaan anak buah. Ke arah itu, pemimpin juga perlu memahami hubungan antara punca isu sosial dengan inisiatif yang diadakan (Rajah 1 sebelah).

Isi kandungan bahagian ini adalah:

Strategi Membendung Isu Sosial	49
Kaji Semula Dasar	51
Kaji Semula Latihan	53
Bantuan Komunikasi	55
Pusat PRIHATIN ABDB	57


Strategi Membendung Isu Sosial

Pelbagai inisiatif sudah dijalankan bagi menangani isu sosial melalui kebijikan dan pengawasan pemimpin. Untuk meningkatkan tahap keberkesanan inisiatif tersebut, 4 strategi telah diadakan. Setiap strategi mempunyai tujuan khusus dalam menangani keadaan-keadaan yang boleh membangkitkan kes sosial. Dari itu setiap strategi tertumpu pada aspek yang berbeza dalam rangka inisiatif kebijikan ABDB (Rajah 2 sebelah).


Menangani Isu Sosial memerlukan Usaha Kolektif dari Individu dan Keseluruhan Organisasi

Walaupun setiap strategi mempunyai objektif dan hasil sendiri, kesan kepada isu sosial ABDB lebih meluas dalam sistem kebijikan ABDB yang kompleks. Setiap inisiatif mempunyai hubungan antara satu sama lain dalam menangani isu sosial yang berbeza (Rajah 3 sebelah).

Panduan Pemimpin



Punca-punca isu sosial ditangani melalui inisiatif-inisiatif bagi memastikan kesejahteraan anggota



(1) Hubungan punca isu sosial dengan inisiatif

Panduan Pemimpin



Rangka Inisiatif Isu Sosial ABDB

(2) Tumpuan setiap inisiatif dengan rangka isu sosial ABDB

ISU SOSIAL	4 STRATEGI HASIL KAJI SELIDIK			
	KAJI SEMULA DASAR	KAJI SEMULA LATIHAN	BANTUAN KOMUNIKASI	PUSAT PRIHATIN ABDB
Persekitaran Kerja	✓	✓		
Keupayaan Pemimpin	✓	✓		
Keberkesanan Sistem Kebajikan	✓	✓		
Tingkahlaku Individu	✓	✓		
Motivasi Kerja	✓			
Masalah Keluarga				
Masalah Kewangan				
Keseimbangan Kerja-Hidup	✓	✓		
Pengaruh Rakan & Masyarakat			✓	
Media Sosial			✓	✓

(3) Isu Sosial yang ditangani oleh setiap inisiatif

Kaji Semula Dasar

KAJI SEMULA DASAR

MENINGKATKAN REGIMENTASI



RUMUSAN

Meningkatkan regimentasi melalui pengukuran peranan pemimpin dan menangani perubahan semasa.

TUMPUAN

Warga tentera ABDB pada setiap lapisan.

OBJEKTIF

Organisasi yang berdaya tahan melalui pemimpin yang kompeten dan anggota yang berdisiplin.

ISU DITANGANI

- Kecekapan Pemimpin
- Tingkah laku Individu
- Tahap Profesionalisme & Hormat
- Disiplin Peribadi
- Trend Generasi
- Media Sosial

INISIATIF




TINDAKAN UNIT

- Mempraktikkan Rangkaian Pemerintah
- Memimpin Menggunakan Tauladan
- Menguatkuasakan undang-undang, keadilan dan keseragaman

Kaji Semula Dasar

Regimentasi

Tujuan: Untuk menangani peningkatan isu-isu sosial dalam kalangan warga ABDB dengan menguatkan disiplin dan penerapan tabiat/budaya dan piawaian ketenteraan



Kaji Semula Latihan

KAJI SEMULA LATIHAN

MENGUKUHKAN JATI DIRI



RUMUSAN

Mengemaskini kursus di institusi latihan ABDB.

TUMPUAN

Warga tentera ABDB pada setiap lapisan.

OBJEKTIF

Meningkatkan keupayaan pemimpin dan pendidikan sepanjang hayat dalam melahirkan anggota yang berdisiplin

ISU DITANGANI

Keupayaan Pemimpin

Tingkahlaku Individu

INISIATIF



Kemas kini Latihan Asas, Kursus Induksi dan Kursus Kepimpinan



Menerapkan Model Kepimpinan ABDB



Penerapan Budaya Ketenteraan

TINDAKAN UNIT

Mempraktikkan Budaya Ketenteraan

Menghidupkan Pelajaran Kepimpinan

Menyebarluaskan Nilai-Nilai Teras ABDB

Kaji Semula Latihan

OBJEKTIF

MENINGKATKAN
KEUPAYAAN PEMIMPIN



PENDIDIKAN DISIPLIN
SEPANJANG HAYAT

PENGEMASKINIAN KURSUS

Sistem Pendekatan Latihan (SAT)

Kursus Induksi

Pengemaskinian Kursus Kepimpinan

Penerapan Budaya Ketenteraan

PENGURUSAN KURSUS

Pengiktirafan Jurulatih

Pemilihan Jurulatih

Pengemaskinian Berkala Dasar Latihan

SASARAN

KEUPAYAAN PEMIMPIN



TINGKAH LAKU ANGGOTA

Bantuan Komunikasi

BANTUAN KOMUNIKASI

MEMBANTU PENYALURAN MAKLUMAT



RUMUSAN

Platform komunikasi untuk menangkap isu-isu dan menyampaikan maklumat ke khalayak ramai.

TUMPUAN

Warga ABDB dan keluarga mereka.

OBJEKTIF

Membolehkan penyampaian masalah, meningkatkan moral, dan meningkatkan imej positif ABDB.

ISU DITANGANI

Keberkesanan Sistem Kebajikan

Motivasi Kerja

Pengaruh Rakan & Masyarakat

Media Sosial

INISIATIF



Media Sosial ABDB



Aplikasi Kesejahteraan ABDB



Proses Menangani Viral Message


TINDAKAN UNIT

Mengenali Sistem Kebajikan

Mengurangkan Penyebaran Maklumat Palsu

Mengenali Kebimbangan Anggota

Bantuan Komunikasi



Pusat Prihatin ABDB

PUSAT PRIHATIN ABDB

PUSAT BANTUAN WARGA
ABDB DAN KELUARGA



RUMUSAN

Pusat bantuan yang menjadi tumpuan pengurusan kebajikan demi kesejahteraan anggota.

TUMPUAN

Warga ABDB dan keluarga mereka.

OBJEKTIF

Perkhidmatan kebajikan yang efektif dan mudah digunakan.

ISU DITANGANI

Keberkesanan Sistem Kebajikan

Motivasi Kerja

Masalah Keluarga

Masalah Kewangan

Media Sosial

INISIATIF



Pemusatan Perkhidmatan Kebajikan



Meningkatkan Keupayaan Kaunseling

TINDAKAN UNIT


Menjaga Kesejahteraan Anggota

Mengenali Keperluan Kaunseling

Menyelaraskan Tindakan Terbaik Menangani

Masalah Anggota bersama Pusat PRIHATIN ABDB

Pusat Prihatin ABDB



Kesimpulan



Buku ini merupakan hasil daripada inisiatif ABDB dalam memastikan penjagaan rapi kesejahteraan anggotanya. Ke arah itu memberikan maklumat yang penting mengenai penjagaan disiplin, perkhidmatan kebajikan dan keadaan sosial kepada keluarga anggota tentera merupakan aspek yang penting yang perlu diambil perhatian.

Diharapkan buku ini telah mencapai matlamatnya dan akan terus menjadi panduan untuk anggota-anggota ABDB dan keluarga mereka. Sekurang-kurangnya, ia dapat memberikan gambaran kepada kehidupan seorang anggota dalam ABDB dan memahami usaha organisasi dalam menjaga kesejahteraan warganya.

Bagi anggota-anggota tentera, semoga buku ini akan dapat memberikan kesedaran kepada biskita mengenai usaha berterusan ABDB demi anggotanya dan mendorong awda untuk meneruskan perkhidmatan dengan semangat. Kepentingan kebajikan dan kesejahteraan anggota itu tidak sepatutnya diremehkan, bahkan tahap keberkesanan operasi tergantung sepenuhnya kepada anggotanya.

Kesejahteraan

- Kesejahteraan anggota termasuk keamanan dan keharmonian keluarga.
- Keadaan sosial, perihal kebajikan dan pengurusan kerjaya memainkan peranan penting dalam menjaga kesejahteraan.
- Keseimbangan kerja-hidup anggota sebahagian besar terletak pada pengurusan pemimpin, walaubagaimanapun anggota perlu juga mengimbangi tanggungjawab tugas dengan keluarga.
- Kesejahteraan sangat tertakluk kepada penjagaan disiplin yang berlandaskan nilai-nilai teras dan etika moral.

Kebajikan

- Pemimpin perlu memeduli hal ehwal kebajikan anggota dan menjadi titik tumpuan pertama sebarang aduan dan pertanyaan.
- Proses kebajikan boleh dirujuk kepada prosedur tetap, dokumen rujukan dan unit-unit pentadbir dan perkhidmatan. Pemimpin juga memainkan peranan penting dalam menyalurkan makluman yang tepat.
- Perkhidmatan kebajikan yang terdapat di ABDB adalah bagi kepentingan anggota dan keluarga mereka.

Isu Sosial

- Isu sosial timbul atas sebab pelbagai faktor dalam keadaan sosial anggota.
- Keadaan sosial termasuk persekitaran organisasi, keadaan individu, keadaan keluarga dan persekitaran masyarakat. Anggota berbeza akan mempunyai pelbagai isu peribadi yang melibatkan di antara keadaan-keadaan ini.
- Pemimpin perlu peka dan berusaha untuk membantu anggota di bawah jagaan mereka menangani permasalahan peribadi.
- Menangani isu sosial memerlukan usaha bersama setiap lapisan dalam organisasi ABDB terutama para pemimpin dan unit perkhidmatan.

Lampiran

Panduan Pangkat ABDB

OF-10	OF-9	OF-8	OF-7	OF-6	OF-5	OF-4	OF-3	OF-2	OF-1	OF(D) and student officer
Fil Marsyal	Jeneral	Lettenan Jeneral	Mejai Jeneral	Brigadier Jeneral	Kolonel	Lettenan Kolonel	Mejai	Kapten	Leftenan	Pegawai Kadet
Laksamana Armada	Laksamana	Laksamana Madya	Laksamana Muda	Laksamana Pertama	Kepten	Komander	Lettenan Komander	Leftenan	Leftenan Madya	Leftenan Muda
Marsyal Tentera Udara	Jeneral (U)	Lettenan Jeneral (U)	Mejai Jeneral (U)	Brigadier Jeneral (U)	Kolonel (U)	Lettenan Kolonel (U)	Mejai (U)	Kapten (U)	Leftenan (U)	Pegawai Kadet (U)

OR-9	OR-8	OR-7	OR-6	OR-5	OR-4	OR-3	OR2	OR-1
					Tidak ada			Soldadu
Sarjan Mejai Darat	Pegawai Waran Kelas 1	Pegawai Waran Kelas 2	Staf Sarjan	Sarjan		Kopral	Las Kopral	
					Tidak ada			Laskar
Sarjan Mejai Laut	Pegawai Waran 1	Pegawai Waran 2	Bintara Kanan	Bintara		Laskar Kanan	Laskar Muda	
					Tidak ada			Prebet/Soldadu (U)
Sarjan Mejai Udara	Pegawai Waran Kelas 1 (U)	Pegawai Waran Kelas 2 (U)	Staf Sarjan (U)	Sarjan (U)		Kopral (U)	Las Kopral (U)	

Lampiran


Singkatan & Definisi

KEMENTAH	- Kementerian Pertahanan
ABDB	- Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
TDDB	- Tentera Darat Diraja Brunei
TLDB	- Tentera Laut Diraja Brunei
TUDB	- Tentera Udara Diraja Brunei
MAB	- Markas Angkatan Bersama
AP ABDB	- Akademi Pertahanan ABDB
IL ABDB	- Institut Latihan ABDB
MRS	- <i>Medical Reception Station</i>
CO	- <i>Commanding Officer</i> atau Pegawai Pemerintah
OC	- <i>Officer Commanding</i> atau Pegawai Memerintah
PTB	- Pegawai Tidak Bertauliah
SM	- Sarjan Mejar
PTI	- <i>Physical Training Instructor</i>

Lampiran

Perumahan (Lampiran A)

TATACARA PERMOHONAN PERUMAHAN KERAJAAN DIBAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PERTAHANAN



Layak:

- Semua anggota tentera Lelaki/Wanita.
- Tidak ada peruntukan perumahan di dalam perkhemahan bagi unit-unit dibawah kawalan Pej Prmhr perkhemahan ABDB dalam jangka terdekat.
- Rumah persendirian berada diluar Daerah tempat bertugas.

Tidak Layak


- Mempunyai rumah atas biayaan: 1) Skim Pinjaman Kerajaan. 2) STKRJ/ SPN/ Bantuan Yayasan.



Lampiran

Perumahan (Lampiran B)

TATACARA MENGOSONGKAN PERUMAHAN KERAJAAN DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PERTAHANAN



Lampiran

Perumahan (Lampiran C)

Tanggungjawab Penghuni Semasa Mendiami Perumahan Kerajaan Di Bawah Kawalan Kementerian Pertahanan

Pegawai dan kakitangan Kerajaan yang diberi kebenaran untuk mendiami perumahan Kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pertahanan hendaklah:

1. Memahami dan mematuhi peraturan yang mengawal kemudahan mendiami perumahan Kerajaan.
2. Memaklumkan kepada Ketua Jabatan masing-masing, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Air, Telbru, Jabatan Bandaran, Ketua Kampung dan Jabatan Kerajaan yang berkaitan sebaik sahaja mula mendiami perumahan Kerajaan.
3. Menggunakan kemudahan yang diberikan sebagai tempat kediaman persendirian pegawai berkenaan dan keluarga termasuk pembantu rumah, jika berkenaan.
4. Memastikan perumahan Kerajaan serta kawasannya adalah sentiasa bersih, selamat, dan kondusif.
5. Bertanggungjawab memastikan bahawa perumahan Kerajaan serta kawasan tidak diubahsuai, umpamanya, menambah dapur, membina garaj dan sebagainya.
6. Memastikan bahawa semua perabot yang disediakan adalah sentiasa dalam keadaan baik dan masih boleh dipakai iaitu tidak dibiarkan rosak atau dirosakkan yang di luar kelaziman penggunaan biasa (*wear and tear*).
7. Bertanggungjawab keatas semua peralatan dan perkakas kecil yang disediakan termasuk untuk membiayai pembelian dan penggantian peralatan seperti, mentol lampu, lampu pendarfluor (*fluorescent lights*), pemula (*starters*), pencekik (*chokes*), cermin, jendela, fius dan seumpamanya termasuk pembaikan kecil yang kosnya tidak melebihi B\$100 bagi setiap kerosakan.
8. Memastikan adanya perkhidmatan pembuangan sampah dan pemotongan rumput.

Lampiran

9. Berkerjasama menemani dan memberi kebenaran (*right of access*) kepada Pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan yang berkaitan untuk memasuki perumahan Kerajaan/bangunan dan kawasan bangunan pada waktu yang dipersetujui bersama untuk:

Memeriksa keadaan bagi pemberian di dalam dan luar bangunan tersebut atau mana-mana bahagian;

Menjalankan kerja-kerja pemberian terhadap bengunan tersebut;

Menjalankan siasatan dan pemantauan bagi memastikan yang Pegawai sentiasa mematuhi peraturan mendiami perumahan Kerajaan.

10. Sentiasa memupuk semangat kejiranan tanpa mengambil kira perbezaan ugama, bangsa, kerakyatan dan bahasa.

11. Mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam atau bendera peribadi sepanjang tempoh yang ditetapkan setiap kali negara menyambut hari-hari kebesaran.

12. Mengembalikan rumah sewa dan anak-anak kunci ke Kementerian Pertahanan selepas mengosongkan perumahan Kerajaan.

Lampiran

Perumahan (Lampiran D)

PERATURAN 1302

KATEGORI PERUNTUKAN PERUMAHAN RUMAH/FLAT SEWA KERAJAAN DI BAWAH KAWALAN

KEMENTERIAN PERTAHANAN MENGIKUT KELAYAKAN


1. Peruntukan rumah/flat sewa Kerajaan bagi pegawai dan kakitangan awam/ pegawai kontrak di Kementerian Pertahanan adalah mengikut kelayakan **gaji pokok serta bahagian (Division)**, anggota ABDB/Kakitangan TEMD adalah menikut kelayakan di dalam Peraturan 1301 berkenaan seperti jadual berikut:

SUKATAN GAJI AM ATAU YANG SERBANDING DENGANNYA	TEM'D	ABDB	KELAS RUMAH
BAHAGIAN I <i>Superscale Special</i> <i>Superscale A/ Superscale B/ Superscale C</i>			AA
BAHAGIAN I Kumpulan 1/ Kumpulan 2/ Kumpulan 3		Kol (Kept)	A
BAHAGIAN II B3	Ketua Jurutera	Mej ke Lt Kol (Lt Kdr ke Kdr)	BB
BAHAGIAN II B2 EB3/ B2/BW2 B1/BW1	Jurutera Staf Kanan	2Lt ke Kpt (LtM ke Lt)	B
BAHAGIAN III C1-C5	Jurutera Kanan	SSjn ke PW1 (BK ke PW1)	CC
BAHAGIAN III C1-C5 BAHAGIAN IV D5-D6	Jurutera	SSjn ke PW1 (BK ke PW1)	C
BAHAGIAN IV D3-4 D4		Kpl ke Sjn (LsK ke Bint)	DD
BAHAGIAN IV D3-4 D4		Sld ke Lkpl (LS ke LsM)	D

Lampiran

Menanai Disiplin (Lampiran E)

PERJALANAN SISTEM DISIPLIN TENTERA



Lampiran

Nombor Telefon Unit-Unit Perkhidmatan (Lampiran F)

PUSAT PRIHATIN ABDB DAN SEL-SEL KESEJAHTERAAN ABDB	
Pusat PRIHATIN ABDB, Bolkiah Garison	2386143
Markas Pejabat Pemerintah Garison, Bolkiah Garison	2315143
Markas Batalion Pertama, Perkhemahan Berakas	2311143
Markas Batalion Kedua, Perkhemahan Tutong	4228143
Markas Batalion Ketiga, Perkhemahan Lumut	3241143
Markas Batalion Bantu, Penanjong Garison	4433143
Markas Khidmat Bantuan Kombat, Perkhemahan Berakas	2333143
Markas Tentera Laut Diraja Brunei, Pangkalan Tentera Laut Muara	2775143
Markas Tentera Udara Diraja Brunei, Pangkalan Tentera Udara Rimba	2348143
Markas Akademi Pertahanan ABDB, Perkhemahan Tanah Jambu	2367143
Markas Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison	4229143

BALAI PENGAWAL PERKHEMAHAN-PERKHEMAHAN ABDB	
Balai Pengawal Bolkiah Garison	2386275
Balai Pengawal Perkhemahan Berakas	2311272
Balai Pengawal Perkhemahan Tutong	4228205
Balai Pengawal Perkhemahan Lumut	3241199
Balai Pengawal Penanjong Garison	4229258
Balai Pengawal Pangkalan Tentera Laut Muara	2775239
Balai Pengawal Pangkalan Tentera Udara Rimba	2348288
Balai Pengawal Perkhemahan Tanah Jambu	2367237

Lampiran

PERKHIDMATAN PERUBATAN ABDB	
MRS Bolkiah, Bolkiah Garison	2386609 (<i>Office Hours</i>) 2386777 (<i>After Office Hours</i>)
Klinik Keluarga Bolkiah, Bolkiah Garison	2386347/267/269
MRS Berakas, Perkhemahan Berakas	2311777
MRS Tutong, Perkhemahan Tutong	4228077
MRS Lumut, Perkhemahan Lumut	3241777
MRS Rimba, Pangkalan Tentera Laut Muara	2348303 (<i>Office Hours only</i>)
MRS Muara, Pangkalan Tentera Udara Rimba	2348431
MRS Penanjong, Penanjong Garison	4233167

PERKHIDMATAN PERGIGIAN ABDB	
Khidmat Pergigian, Perkhemahan Berakas	2311247
Khidmat Pergigian, Perkhemahan Tutong	4228114
Khidmat Pergigian, Perkhemahan Lumut	3241054
Khidmat Pergigian, Pangkalan Tentera Laut Muara	2775171
Khidmat Pergigian, Pangkalan Tentera Udara Rimba	2348298
Khidmat Pergigian, Penanjong Garison	4229205

BALAI BOMBA ABDB	
Balai Bomba, Perkhemahan Berakas	2311222
Balai Bomba, Perkhemahan Tutong	4228222
Balai Bomba, Perkhemahan Lumut	3241222
Balai Bomba, Pangkalan Tentera Laut Muara	2775222
Balai Bomba, Pangkalan Tentera Udara Rimba	2348222
Balai Bomba, Penanjong Garison	4229222



HUBUNGI PUSAT PRIHATIN ABDB
DI TALIAN PERHUBUNGAN 2386143
ATAU
PUSATPRIHATIN@MINDEF.GOV.BN



IMBAS KOD QR
UNTUK BUKU



LAYARI
WWW.MINDEF.GOV.BN